

Azizah: Kuasa beli pengguna kini semakin mengecil

NSF 21-02-2012 4

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN
kamaruddin@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Pengguna tidak menyedari hakikat bahawa kuasa beli mereka sebenarnya semakin mengecil dan mereka perlu melakukan sesuatu.

Sehubungan itu, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Azizah Mohd Dun menyarakankan supaya mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan tentang konsep kepenggunaan untuk lebih dekat dengan masyarakat pengguna.

"Ini bagi memberi kesedaran kepentingan dan kehendak pengguna dalam senario semasa," katanya pada ucapannya perasmian Seminar Kesedaran Kepenggunaan Lestari dan Cabaran Masa Kini yang diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan oleh Setausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Asninar Sukardi.

Sehubungan dengan itu, katanya, sudah sampai masanya kita perlu melihat bahawa diri kita bukanlah sebagai pakar, malah sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mem-

bantu dan dibantu.

Dengan itu, katanya, barulah ianya boleh menjadi satu usaha yang digerakkan oleh kita bersama dan bukan hanya digerakkan semata-mata oleh pihak kerajaan.

Azizah berkata, berapa ramai daripada kita yang terlibat dalam rantai bekalan barangan dan berapa ramai yang hanya menerimanya.

"Kita gagal untuk melihat bahawa pengguna sebenarnya menguasai pasaran tetapi pada hakikatnya, industri masih mengawal harga pasaran," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi satu ke-mestian apabila membeli barangan, ianya membaca label secara terperinci.

"Label mengandungi maklumat asas seperti kandungan pemakanan, tarikh luput, logo-logo berkaitan alam sekitar seperti perisijilan ISO 14001 (Sistem pengurusan alam sekitar) dan sama ada ia dihasil daripada bahan kitar semula," katanya.

Menurutnya, pada lazimnya dalam memilih barangan, pengguna hanya fokus kepada kemampuan, cara pembungkusan dan gimik jualan mega dan potongan harga.

Katanya, hanya segelintir sahaja yang membaca label dan simbol yang tercetak, tidak ramai pengguna yang menghubungi pihak SIR-



ASMINAR (dua kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta seminar.

IM untuk memastikan sesuatu logo yang digunakan itu sama ada asli atau sebaliknya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kita sebenarnya memerlukan satu mekanisme perkongsian CIG iaitu perkongsian antara Pengguna (C), Industri (I) dan Kerajaan (G) yang sangat penting.

Azizah berkata, kerajaan memainkan peranan dalam pengubalan dan pelaksanaan undang-undang dan juga pendidikan yang berterusan.

"Melalui pelaksanaan dan pendidikan yang efisien, kita dapat mengujudkan kesedaran dan

etika di kalangan industri dan pengguna," katanya.

Menurutnya, pihak industri pula memainkan peranan dalam komplemen usaha kerajaan dengan memastikan prosedur dan peraturan diikuti untuk memastikan produk atau perkhidmatan yang lebih mesra alam diberikan kepada pengguna.

"Pengguna juga dapat manfaat daripada tindakan oleh kerajaan dan industri, ini merupakan perkongsian bijak dan merupakan satu proses pencerahan kepada pengguna," katanya.